



# INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) SKIM AIR DARUL EHSAN

## 1. Apakah itu Skim Air Darul Ehsan?

Skim Air Darul Ehsan adalah program penajaran semula pemberian air percuma kepada kumpulan sasar penduduk Negeri Sembilan.

## 2. Siapakah yang layak menikmati Skim Air Darul Ehsan?

Skim Air Darul Ehsan ini layak dinikmati pengguna-pengguna yang menepati syarat-syarat seperti berikut:

- Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Negeri Sembilan
- Pendapatan bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah (suami dan isteri termasuk pendapatan pasangan bukan warganegara, tiada pasangan atau bujang)
- Premis kediaman meter individu
- Pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun/premis sahaja

### Nota:

Pengguna akaun meter pukal dalam kategori pangsapuri kos rendah akan terus menerima 20m<sup>3</sup> air percuma di bawah Skim Air Darul Ehsan secara automatik sehingga 31 Disember 2021 mengikut kaedah sedia ada yang melibatkan JMB/MC serta Lembaga Perumahan dan Hartanan Sembilan (LPHS).

## 3. Adakah saya masih layak untuk menikmati 20m<sup>3</sup> bekalan air percuma yang diterima sebelum ini selepas 01 Mac 2020?

Tuan/Puan layak menikmati 20m<sup>3</sup> bekalan air percuma Skim Air Darul Ehsan sekiranya Tuan/Puan telah membuat pendaftaran dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

## 4. Apakah yang dimaksudkan dengan pendapatan isi rumah bawah RM4,000?

Pendapatan bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah (suami dan isteri termasuk pendapatan pasangan bukan warganegara, tiada pasangan atau bujang)

## 5. Apakah pemohon dan pasangan keluarga yang berpendapatan lebih dari RM4,000 boleh memohon Skim Air Darul Ehsan?

Tidak layak kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

## 6. Kami mempunyai pendapatan isi rumah lebih dari daripada RM4,000 kerana termasuk pendapatan anak kami yang tinggal serumah. Adakah kami layak memohon Skim Air Darul Ehsan?

Permohonan hanya mengambil kira pendapatan suami dan isteri sahaja, sekiranya pendapatan suami dan isteri melebihi RM4,000, anda tidak layak menikmati Skim Air Darul Ehsan.

## 7. Saya tidak mempunyai pendapatan tetap, tidak ada slip gaji dan tidak pernah mendaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), adakah saya layak memohon?

Ya, Tuan/Puan layak untuk memohon Skim Air Darul Ehsan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat permohonan dan semakan kelayakan.

## 8. Adakah isteri yang kematian suami layak memohon?

Ya, Tuan/Puan layak untuk memohon Skim Air Darul Ehsan tetapi tertakluk kepada syarat permohonan dan semakan kelayakan.

## 9. Saya tinggal di Putrajaya tetapi mempunyai rumah di Negeri Sembilan, adakah saya layak untuk memohon?

Ya, Tuan/Puan layak untuk memohon Skim Air Darul Ehsan bagi premis yang terletak di Negeri Sembilan tetapi tertakluk kepada syarat permohonan dan semakan kelayakan.

## 10. Adakah pelanggan yang menetap di Wilayah Kuala Lumpur dan Putrajaya layak untuk memohon Skim Air Darul Ehsan?

Tidak layak. Permohonan Skim Air Darul Ehsan hanya untuk pelanggan yang menetap di Negeri Sembilan sahaja.

## 11. Adakah penyewa layak untuk membuat permohonan Skim Air Darul Ehsan?

Ya, penyewa layak untuk membuat permohonan sekiranya menyewa di Negeri Sembilan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat permohonan dan semakan kelayakan.

## 12. Kami menyewakan rumah. Bolehkah penyewa saya memohon walaupun akaun air adalah didaftar atas nama saya?

Ya, penyewa Tuan/Puan boleh memohon sekiranya layak dan menepati syarat-syarat permohonan.

**13 Kami adalah pelajar yang tiada pendapatan dan menyewa beramai-ramai di Selangor. Adakah kami layak memohon?**

Ya, penyewa layak memohon jika menepati syarat-syarat permohonan tertakluk kepada semakan Kerajaan Negeri Selangor.

**14 Saya memiliki 5 buah rumah dan layak menerima Skim Air Darul Ehsan. Adakah semua premis yang saya miliki layak untuk menerima dan menikmati 20m3 bekalan air percuma?**

Hanya SATU Hanya SATU akaun/premis sahaja boleh dipohon dan menikmati 20m3 bekalan air percuma.

**15 Sekiranya saya berpindah, bolehkah menerima Skim Air Darul Ehsan?**

Ya, pemohon boleh memohon sekiranya menepati syarat-syarat permohonan yang ditetapkan Kerajaan Negeri.

**16 Saya adalah penghuni pangsapuri kos rendah yang menerima bekalan air melalui meter pukal di bawah seliaan JMB/MC. Adakah saya masih layak dan bagaimana cara untuk membuat permohonan?**

Penghuni pangsapuri kos rendah yang mendapat bekalan air melalui meter pukal akan terus menikmati 20m3 bekalan air percuma secara automatik sehingga 31 Disember 2021. Kaedah pemberian rebat air percuma ini dibuat mengikut kaedah sedia ada yang melibatkan JMB/MC serta Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS)

**17 Bagaimanakah cara untuk memohon Skim Air Darul Ehsan?**

- Permohonan Skim Air Darul Ehsan boleh dibuat secara atas talian melalui laman sesawang [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my)
- Borang permohonan boleh dimuat turun atau diperolehi melalui saluran berikut:
  - [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com)
  - Kaunter Perkhidmatan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.
  - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM)
- Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ke [iprair@airselangor.com](mailto:iprair@airselangor.com) atau melalui mana-mana Kaunter Perkhidmatan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

**Nota:**

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pendaftaran adalah secara atas talian di [www.ssipr.selangor.gov.my](http://www.ssipr.selangor.gov.my). Pelanggan juga boleh memuat turun borang permohonan di laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ke [iprair@airselangor.com](mailto:iprair@airselangor.com)

**18 Bilakah tempoh pendaftaran Skim Air Darul Ehsan bermula?**

Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan akan dibuka semula untuk permohonan bermula pada 01 April 2020.

**19 Bilakah jangkaan tarikh pelaksanaan Skim Air Darul Ehsan Fasa 2?**

Skim Air Darul Ehsan Fasa 2 dijangka akan dilaksanakan bermula 01 September 2020.

**20 Setelah saya membuat permohonan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan, berapa lama tempoh pemprosesan dan bilakah saya akan mengetahui keputusan permohonan untuk menikmati 20m3 bekalan air percuma?**

Tarikh dan tempoh pemprosesan permohonan Skim Air Darul Ehsan (SADE) Fasa 2 adalah seperti berikut:

JADUAL PELAKSANAAN SKIM AIR DARUL EHSAN (SADE) FASA 2 (PERINGKAT 1, 2 & 3)			
Peringkat	Tarikh	Tempoh	Aktiviti
1	1 Apr 2020 - 30 Jun 2020	3 bulan	Pendaftaran dibuka
	1 Jul 2020 - 31 Ogos 2020	2 bulan	Pemprosesan dan semakan silang permohonan
	1 September 2020		Tarikh kuatkuasa penerimaan Skim Air Darul Ehsan (SADE) 2 Peringkat 1 bagi permohonan yang berjaya
2	1 Jul 2020 - 31 Dis 2020	6 bulan	Pendaftaran dibuka
	1 Jan 2021 - 28 Feb 2021	2 bulan	Pemprosesan dan semakan silang permohonan
	1 Mac 2021		Tarikh kuatkuasa penerimaan Skim Air Darul Ehsan (SADE) 2 Peringkat 2 bagi permohonan yang berjaya
3	1 Jan 2021 - 30 Jun 2021	6 bulan	Pendaftaran dibuka
	1 Jul 2021 - 31 Ogos 2021	2 bulan	Pemprosesan dan semakan silang permohonan
	1 September 2021		Tarikh kuatkuasa penerimaan Skim Air Darul Ehsan (SADE) 2 Peringkat 3 bagi permohonan yang berjaya

**21 Adakah saya boleh membuat permohonan pendaftaran Skim Air Darul Ehsan selepas tarikh tamat tempoh yang ditetapkan?**

Pembukaan semula permohonan pendaftaran baharu Skim Air Darul Ehsan adalah tertakluk kepada ketetapan Kerajaan Negeri Selangor.

**22 Saya telah membuat pendaftaran Skim Air Darul Ehsan sebelum ini dan gagal (tidak layak). Bolehkah saya untuk membuat rayuan semula atau permohonan baharu?**

Boleh. Tuan/Puan perlu membuat permohonan baharu Skim Air Darul Ehsan yang akan bermula pada 01 April 2020 dan layak menikmati 20m3 sekiranya menepati syarat-syarat permohonan Skim Air Darul Ehsan yang mana tertakluk kepada semakan Kerajaan Negeri Selangor.

**23** **Apakah yang dimaksudkan dengan permohonan penamatan/pembatalan Skim Air Darul Ehsan dan siapakah yang harus memohon?**

Permohonan penamatan/pembatalan **Skim Air Darul Ehsan** adalah permohonan bagi penerima rebat **Skim Air Darul Ehsan** yang ingin membatalkan permohonan **Skim Air Darul Ehsan** sedia ada disebabkan oleh beberapa alasan seperti Berpindah ke Premis Lain, Pertukaran Pemilihan Akaun Air, Perintah Mahkamah ke atas penerima **Skim Air Darul Ehsan** untuk mengosongkan premis atau yang berkaitan, penerima **Skim Air Darul Ehsan** Meninggal Dunia, Penamatan Akaun Bekalan Air atau sebab-sebab lain seperti yang tercatat di dalam **Borang Permohonan Penamatan/Pembatalan Skim Air Darul Ehsan**.

**24** **Bagaimanakah cara untuk saya membuat permohonan penamatan/pembatalan dan mengemukakan permohonan semula Skim Air Darul Ehsan bagi premis baru/lain?**

Borang **Permohonan Penamatan/Pembatalan Skim Air Darul Ehsan** boleh dimuat turun melalui laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/](http://www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/). Baca nota arahan dan kemukakan borang permohonan yang telah lengkap dengan lampiran (jika berkenaan) ke [iprair@airselangor.com](mailto:iprair@airselangor.com) atau dihantar melalui mana-mana sepuluh (10) Kaunter Perkhidmatan Pejabat Wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. bersama **Borang Permohonan Skim Air Darul Ehsan** bagi permohonan semula **Skim Air Darul Ehsan** akaun/premis yang baru (jika berkenaan) untuk proses semakan dan kelulusan.

**25** **Bolehkah saya membuat penamatan/pembatalan Skim Air Darul Ehsan sekiranya sebab-sebab penamatan/pembatalan tersebut tidak tersenarai di dalam Borang Penamatan/pembatalan Skim Air Darul Ehsan?**

Ya. Pemohon perlu menyatakan sebab permohonan penamatan yang berkenaan di ruangan 'B: Sebab Permohonan Penamatan/Pembatalan' dan hantar Borang Penamatan/pembatalan **Skim Air Darul Ehsan** yang telah lengkap ke emel [iprair@airselangor.com](mailto:iprair@airselangor.com) untuk semakan dan tindakan lanjut.

**26** **Saya adalah penerima Skim Air Darul Ehsan sejak 2020, tetapi akaun air bagi skim tersebut telah pun ditamatkan atau akaun telah dipindah milik kepada pemilik yang lain oleh Air Selangor. Perlukah saya membuat permohonan penamatan Skim Air Darul Ehsan bagi akaun air yang tidak lagi aktif atau dibawah nama saya?**

Ya. Anda dinasihatkan agar menamatkan permohonan **Skim Air Darul Ehsan** terdahulu sekiranya ingin membuat permohonan semula **Skim Air Darul Ehsan** bagi akaun/premis yang baru. Maklumat permohonan seperti Nombor Kad Pengenalan, Nombor Akaun Air dan Status permohonan terdahulu akan ditamatkan dan dikemaskini di portal Smart SSIIPR seterusnya membenarkan pendaftaran semula **Skim Air Darul Ehsan** dibuat bagi pemohon bagi premis/akaun yang baru.

**27** **Siapakah yang layak dan disarankan untuk membuat permohonan rayuan Skim Air Darul Ehsan?**

Pemohon **Skim Air Darul Ehsan** yang telah mendaftar dan berstatus gagal layak membuat permohonan rayuan **Skim Air Darul Ehsan**. Pemohon perlu melengkapkan permohonan dengan maklumat yang terkini melalui 'login' di portal SSIIPR dan hantar secara atas talian atau dengan menghantar **Borang Permohonan Skim Air Darul Ehsan** yang lengkap (borang yang sama dengan permohonan baru **Skim Air Darul Ehsan**) dengan maklumat yang terkini secara manual.

**28** **Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan rayuan Skim Air Darul Ehsan?**

Pemohon yang telah mendaftar untuk program Inisiatif Peduli Rakyat di portal Smart SSIIPR dan telah mengemukakan permohonan **Skim Air Darul Ehsan** secara atas talian (online) dan berstatus gagal, pemohon hanya perlu 'login' sistem SSIIPR di <https://ssipr-daftar.selangor.gov.my/login> dan tekan butang 'Permohonan Rayuan' di bahagian bawah paparan skrin permohonan **Skim Air Darul Ehsan** beliau. Sila kemaskini maklumat permohonan yang terkini dan tekan butang 'Hantar'. Pemohon juga boleh memuat turun **Borang Permohonan Skim Air Darul Ehsan** di laman sesawang Air Selangor di [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com) dan hantar borang yang lengkap dengan maklumat terkini ke [iprair@airselangor.com](mailto:iprair@airselangor.com) atau mana-mana sepuluh (10) Kaunter Perkhidmatan Pejabat Wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.